

Pelaburan RM4 bilion dalam sektor infrastruktur digital di Malaysia

Oleh **AHMAD FADHLULLAH ADNAN**
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Malaysia bakal menerima pelaburan bernilai lebih RM4 bilion dalam sektor infrastruktur digital negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perkara itu dicapai selepas beliau menerima kunjungan hormat wakil firma infrastruktur digital global, DigitalBridge yang aktif melabur dalam pusat-pusat pangkalan data, menara telco dan gentian optik.

"Pada penghujung 2023 kelak, DigitalBridge dianggarkan akan melabur lebih RM4 bilion terutamanya dalam sektor infrastruktur di Malaysia.

"Saya akan terus komited dan menekankan kepentingan dalam memastikan ekosistem yang bersih dan kondusif bagi memudahcara sektor perniagaan dan pelaburan di negara ini sebagai sebahagian usaha dan supaya kita memacu per-



ANWAR Ibrahim ketika menerima kunjungan hormat wakil DigitalBridge di ibu negara baru-baru ini. -FB ANWAR IBRAHIM

tumbuhan ekonomi demi kesejahteraan rakyat," kata Perdana Menteri di Facebook semalam. Menurut beliau, pertumbuhan

infrastruktur digital di negara ini adalah yang terpantas, menurut kertas putih oleh Knight Frank. Katanya, ia susulan pusat-

pusat data merekodkan 113 megawatt hanya pada tahun 2022 atau empat kali ganda melebihi Thailand.